

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERPISAHAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
TUANKU BAINUN  
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 20-04-1994

Bismillahir Rahmanir Rahim; Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh; BAKTI mengucapkan syukur ke-hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat jua BAKTI meraikan Tuanku pada pagi ini bagi kali terakhir sebagai Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung.

2. BAKTI menjunjung kasih atas limpah berkenan Tuanku berangkat ke Majlis yang tidak sepertinya ini memandangkan Tuanku begitu sibuk dan tidak ada lagi masa untuk badan-badan dan persatuan-persatuan wanita meraikan Tuanku selain untuk bersarapan pagi bersama. Amatlah bertuah BAKTI dapat juga menyambut Tuanku pagi ini dan BAKTI mengalukan-alukan keberangkatan Tuanku ini dengan ucapan junjung kasih.

3. Lima tahun telahpun hampir tamat, masa berjalan dengan begitu pantas sekali seolah-olah dengan sekelip mata sahaja. Namun begitu, Baginda Tuanku berdua telah menjalankan peranan sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong negara Malaysia dengan penuh tanggungjawab dan prihatin terhadap hal ehwal rakyat jelata. Dengan berkat Allah Subhanahu wa Ta'ala, Baginda Tuanku berdua sebagai Raja Berperlembagaan Malaysia yang kesembilan telah dicucuri rahmat dan telah bersemayam di atas takhta genap lima tahun. Baginda Tuanku adalah yang keenam yang sempurna bersemayam di atas takhta.

4. Oleh itu BAKTI bersyukur ke hadrat Ilahi dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun kerana berjaya melaksanakan tugas negara dengan sempurna dan baik.

5. Bagi pihak BAKTI ternyata bahawa Tuanku amat peka dan memberi banyak perhatian terhadap hidup masyarakat. Di bawah naungan Tuanku sendiri, golongan kanak-kanak yang kurang bernasib baik telah mendapat perhatian dan bantuan.

Beribu-ribu Pandu Puteri, Kadet dan Renjer telah berasa bangga dapat berteduh di bawah payung di Raja Tuanku.

Sebagai bekas seorang Pendidik, Tuanku amat memahami masalah-masalah guru-guru, murid-murid dan ibu bapa untuk melahirkan generasi baru negara yang cerdas-pandai menjelang tahun 2020. Kesemuanya yang Tuanku laksanakan itu dipandang oleh rakyat dengan penuh hormat dan bangga. Kemesraan yang dihulurkan itu merapatkan lagi rakyat kepada Tuanku.

6. BAKTI dengan penuh hormat dan takzim mendoakan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan terus melanjutkan usia Baginda Tuanku berdua, mencucuri kesejahteraan dan kebahagiaan manakala bersemayam semula di singgahsana di Perak. Allah sahaja memberi taufik dan hidayah-Nya untuk memelihara Tuanku berdua.

7. Pada pagi ini, sebagai perjumpaan terakhir BAKTI dengan Tuanku, BAKTI telah menyediakan persembahan yang ringkas untuk hiburan kita semua. BAKTI terlebih dahulu memohon ampun dan maaf sekiranya ada kekurangan dan kesilapan yang tidak menyenangkan hati Tuanku. Namun diharap Tuanku terhibur dengan telatah ahli-ahli BAKTI yang cuba melupakan bahawa mereka sepatutnya sudah pencen tetapi kerana berhati muda dan gigih sanggup membuat persembahan ini. Dipersilakan Tuanku 'relax and enjoy the BAKTI Show'.

8. Sekali lagi BAKTI menjunjung kasih dan mengucapkan Selamat Berangkat pulang ke negeri Perak Darul Ridzuan pada 25 April ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

\*\*\*\*\*